



Ahmed (kiri) ketika pelancaran program Recycling@U baru-baru ini.

## Coca-Cola, UKM bekerjasama kitar semula

**COCA-COLA**, jenama minuman terkemuka, bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), bagi menjadikan tabiat kitar semula sebagai sebahagian gaya hidup golongan belia, menerusi program Recycling@U.

Kerjasama itu sempena Hari Bumi pada 22 April ini, untuk menggalakkan generasi muda memelihara alam, di samping mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau, menerusi usaha kitar semula.

Pengurus Negara Malaysia-Singapura-Brunei Coca-Cola, Ahmed Yehia berkata, program seperti Recycling@U merupakan kerjasama dengan komuniti setempat untuk melihat perubahan positif dalam golongan disasarkan.

Menurutnya, Coca-Cola sendiri melaksanakan strategi meningkatkan kelestarian pembungkusan dan mencari jalan mengelakkan ia menjadi bahan buangan.

"Kami sedar, usaha sebenar ke-

lestarian memerlukan tindakan pelbagai pihak termasuk pembabitan pengguna, menyokong dasar keperluan perubahan polisi, mengadakan kerjasama dengan rangkaian pengedaran, membangunkan teknologi yang diperbaharui dan pelbagai lagi.

"Sudah tentu ia memerlukan pembinaan sebuah sistem di mana orang ramai, institusi dan teknologi dapat bekerja bersama bagi mengurangkan, mereka bentuk semula, memulihkan, kitar semula dan guna semula bungkusan yang ada," katanya.

Beliau berkata, kerjasama yang memasuki fasa baharu dengan UPM itu turut dikembangkan ke universiti awam lain di Semenanjung Malaysia seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).